

SIRI SEJARAH NUSANTARA

Sejarah Pahang

oleh

HAI BUYONG BIN ADIL

2033

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR

1972

Siri Pelajaran Menengah DBP Bil. 71

Chetakan Pertama 1972

HAKCHIPTA TERPELIHARA

M.
959 5113
BUY

6308

Di-chetak oleh
Perchetakan Kum,
Kuala Lumpur
\$4.50

5 SEP 1972
Perpustakaan Negara
Malaysia

PERUTUSAN

Saya sangat gembira kerana dapat menatap buku Sejarah Pahang yang ditulis oleh seorang ahli sejarah yang terkenal ini.

Selama ini sejarah tanah ayer kita, dalam ertikata yang sebenarnya, sentiasa ditulis atau dihasilkan oleh orang2 asing terutama sekali orang2 Barat. Disamping kita menghargai sumbangan mereka itu, kita juga patut menyedari bahwa penulisan mereka tidaklah sebenarnya berpusatkan suasana, malah kejadian2 yang sebenarnya bersifat tempatan. Bagi ahliz sejarah bangsa Inggeris, misalnya, proses sejarah tanah ayer kita ini adalah merupakan sebahagian dari proses sejarah tanah Inggeris. Begitu juga bagi ahliz sejarah asing yang lain mereka tidak pernah dan tidak mahu memandang, serta mengakui, proses sejarah tanah ayer kita sebagai proses yang unik, tersendiri dan mempunyai selok-belok yang terkhas.

Sekarang negara kita telah mencapai kemerdekaan. Selain daripada kita berusaha untuk mengisi kemerdekaan itu dalam berbagai-bagai aspek yang lain, kita mesti jangan melupakan langsung akan proses dan perkembangan sejarah yang telah membentuk negara kita dan menjadikan kita sebagai bangsa yang berdaulat. Kalau ahliz sejarah mengabaikan sejarah tanah ayernya sendiri, apatah lagi setelah kita mencapai kemerdekaan, maka sudah mestinyalah ahliz sejarah asing akan masuk untuk mengisi kekosongan itu. Yang demikian penulisannya sudah pasti tidak berubah dari apa yang telah kita dapati selama ini; dan kalau terdapat perubahan pun hanyalah dari satu pemusatan kepada yang lain yang juga asing.

Atas dasar inilah, antara lain, maka kita patut menuliskan kembali segala peristiwa sejarah tanah ayer kita. Terpulanglah kepada ahliz sejarah kita untuk memberikan sumbangan dalam pergerakan dan perkembangan ini dengan sewajarnya. Kerana mereka adalah diantara orang-orang yang sedar dan sama bertanggungjawab untuk melayarkan kemerdekaan negara kearah matlamat yang sama-sama kita chita-chitakan.

Dan, akhir kata, saya berharap buku Sejarah Pahang ini dapat menjadi salah satu sumbangan demi memenuhi konsep kemerdekaan kita.

15hb. Januari, 1971.

(Dato' Abdul Samad bin Idris)

Pengerusi
Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan
Pustaka merangkap Timbalan Menteri
Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
Malaysia

PENDAHULUAN

Saya mengucapkan Alhamdulillah dan bershukur ka-hadhrat-Nya kerana terbit-nya buku Sejarah Pahang dalam Siri Sejarah Nusantara penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia ini.

Dalam buku Sejarah Pahang ini, berkat ada-nya beberapa bahan pembacaan, dapat-lah di-kemukakan beberapa pendapat dan buktiz yang telah menyingkap keadaan yang samar2 mengenai sejarah negeri Pahang pada zaman beribu-ribu tahun dahulu ia-itu pada zaman yang di-sebut zaman sa-belum sejarah atau di-namakan juga "Zaman Batu".

Kemudian daripada itu, sa-telah memasoki zaman sejarah, berdasarkan kepada penulisanz orang2 zaman dahulu ia-itu orang2 Arab, China, Siam, Jawa dan Portugis, dapat-lah di-bentangkan beberapa gambaran mengenai sejarah negeri Pahang dari akhir Kurun Maschi yang ke-10 hingga pertengahan kurun yang ke-15, dan dalam masa itu termasuk-lah juga masa negeri Pahang di-bawah kuasa kerajaan Seri Wijaya, di-bawah pengaruh kerajaan Jawa Majapahit, dan juga pada masa negeri itu di-perentahkan oleh raja Melayu bukan Islam yang di-perchayai berasal dari keturunan rajaz Melayu bukan Islam di-bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu (dari Ligor sampai ka-Patani) dan di-pengarohi oleh Siam.

Menjelang akhir kurun yang ke-15 sejarah Pahang telah mulai agak terang. Sejak itu hingga sekarang ini ia-itu sa-lama lebeh kurang lima ratus tahun, dapat-lah sejarah negeri Pahang itu di-pandang sa-bagai suatu gambaran yang jelas.

Dari akhir kurun yang ke-15 hingga hampir2 sa-ratus lima puluh tahun lama-nya negeri Pahang itu di-perentahkan oleh rajaz Melayu-Islam keturunan daripada rajaz Melayu Melaka. Dari awal hingga ka-pertengahan kurun yang ke-17 negeri Pahang telah menderita beberapa kesusahan oleh serangan orang2 Aceh, Johor, Portugis dan Belanda hingga negeri itu masok ka-bawah perintah kerajaan Aceh.

Pada pertengahan Kurun Maschi yang ke-17, apabila kuasa kerajaan Aceh di-Semenanjung Tanah Melayu mulai lemah, pemerintahan